

Dr. Mahathir tidak akan rampas kuasa

Oleh NOR SEDEK ISMAIL

BATU PAHAT 13 Ogos - Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin yakin Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini lantang mengkritik kerajaan tidak akan merampas kuasa daripada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Politik Tun Dr. Mahathir menegaskan faktor umur menyebabkan bekas 'bos' nya itu tidak akan terfikir untuk berbuat demikian.

"Saya yakin kalau dia (Tun) nak rampas kuasa mengapa dia mesti serah kuasa, bukan kerana saya nak pertahankan Tun ... tidak, bagi saya untuk merampas kuasa balik... sesuatu yang jauh di belakang.

"Bagi saya, adalah salah sekiranya ada pihak mengatakan Tun cuba berbuat demikian dan saya berani cakap kalau dia (Tun) seorang yang mahu berkuasa dia tidak perlu beri kuasa, bukan ada suntikan daripada mana-mana pun.

"Bahkan pada peringkat pertama dia mahu serah kuasa orang menangis jangan Tun... jangan Tun saya nampak lagi muka-muka itu," jelas beliau.

Abdul Aziz yang juga Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Batu Pahat yang turut dihadiri ketua bahagiannya, Senator Dr. Mohd. Puad Zarkashi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Nazri

Um - 14/8/2006

Bagi saya, adalah salah sekiranya ada pihak mengatakan Tun cuba berbuat demikian dan saya berani cakap kalau dia (Tun) seorang yang mahu berkuasa dia tidak perlu beri kuasa, bukan ada suntikan daripada mana-mana pun

ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN
Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO

Aziz bahawa tindakan Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik pemimpin dan kerajaan bertujuan mahu menghancurkan Abdullah.

Nazri mengeluarkan kenyataan keras itu ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Bahagian Padang Rengas di Sekolah Menengah Kebangsaan Temenggong Kati, Kuala Kangsar semalam.

Abdul Aziz berkata, apa yang penting semua pihak ketika ini perlu menyokong seluruh kepimpinan Abdullah dan sebagai pemimpin utama negara, sudah tentu Perdana Menteri mahukan semua tugas yang dipikulnya dijalankan dengan baik.

"Rakyat mesti sedar kita mesti membantu kerajaan yang ada kerana pemimpin terbaik itu datang daripada sokongan rakyat. Saya tahu Perdana Menteri kita sekarang mahu membuat kerja terbaik



ABDUL AZIZ SHAMSUDDIN

tetapi kadang-kadang ada orang ketiga," katanya.

Abdul Aziz juga yakin persoalan yang timbul dalam UMNO sekarang akan selesai kerana bilangan yang bermusuh tidak ramai dan parti kukuh seperti dahulu.

Sehubungan itu, Abdul Aziz berkata, bagi mengembalikan suasana keruh kepada jernih sama ada pemimpin hingga peringkat masyarakat empat perkara dalam kehidupan iaitu tidak bercajak bohong, jangan mung-

kir janji, pegang amanah diberikan dan bergaduh jangan sampai berperang.

Katanya, pegangan itu bukan semasa isu yang melanda dalam UMNO sekarang tetapi mesti dijadikan amalan sepanjang masa.

"Pegangan itu sebagai asas hidup sekurang-kurangnya mengurangkan perkara yang tidak baik, ia untuk semua rakyat apatah lagi pemimpin," ujarnya.